

11/12/2000

Platform pembangunan masyarakat elektronik dalam k-ekonomi

Hizral Tazzif Hisham

INTERNET membenarkan manusia untuk berkomunikasi, interaksi, belajar, mencari maklumat penting, membeli-belah dan menyertai kegiatan sosial selama dua puluh empat jam dengan kos yang minimum. Dengan mempunyai capaian Internet, sebenarnya kita akan menjadi lebih berilmu dan produktif, sekali gus lebih berdaya saing dan proaktif dalam memastikan kehidupan kita lebih baik dan terancang.

Bagaimanapun, hanya segelintir daripada kita yang mempunyai peluang untuk menikmati kelebihan Internet. Kos bukanlah penyebab utama tetapi, disebabkan kita tidak berasakan kepentingan Internet dalam memudahkan urusan seharian.

Cuba bayangkan telefon selular milik kita, ia menjadi penting kerana ia membolehkan komunikasi dijalankan pada bila-bila masa dan di mana jua. Usaha bersepadu perlu dijalankan bagi menjadikan Internet sebagai utiliti, sama seperti air dan elektrik.

Menerusi kaedah itu, maka capaian Internet dapat diperluaskan ke semua individu. Dengan adanya capaian Internet yang meluas, pelbagai perkara boleh dilakukan seperti melaksanakan perkhidmatan dan komuniti elektronik, sekolah bestari, aplikasi multimedia dan perkhidmatan telekomunikasi yang ditambah nilai (value-added).

Ada dua aspek yang perlu bagi mewujudkan masyarakat elektronik iaitu capaian Internet dan pembentukan gerbang (portal). Internet dipenuhi dengan gerbang yang menyelaraskan pelbagai kegiatan masyarakat elektronik. Ini kerana gerbang memiliki ciri unik iaitu menyediakan kandungan yang membolehkan pengguna berinteraksi dengan maklumat, dan sesama sendiri dan melakukan urus niaga.

Bagi membolehkan kita melawat gerbang itu, kita memerlukan capaian Internet. Bagaimanapun, terdapat masalah utama yang dihadapi ketika cuba membuat capaian terhadap gerbang berkenaan iaitu jalur lebar, masa rosak (downtime) dan kelajuan data.

Masalah lain ialah agak menyusahkan untuk melawat atau browse menerusi pelbagai jenis gerbang bagi mendapatkan pelbagai maklumat. Secara amnya, kita perlu memasukkii laman web gerbang berkenaan untuk mencari maklumat yang diperlukan namun kadangkala tidak berjumpa menyebabkan kita terpaksa memasuki laman web yang lain.

Lebih mengecewakan ialah sebahagian besar gerbang yang dilawati mengandungi kandungan maklumat yang tidak berkaitan dengan persekitaran tempatan dan terletak di luar negara. Selain itu, pengguna perlu melalui berpuluh-puluh sistem rangkaian sebelum dapat mencapai maklumat itu menyebabkan sambungan menjadi kurang baik. Kebanyakan maklumat yang disediakan lebih bersifat umum manakala kandungan tempatan yang ada amat terhad. Ianya lebih sesuai bagi pengguna yang perlu mendapatkan maklumat am, pendidikan dan kebanyakan pengguna sebenarnya hanya menghabiskan masa.

Apa yang perlu pengguna Internet lakukan jika mereka memerlukan maklumat mengenai komuniti tertentu di negeri yang ada di Malaysia? Bersembang atau berdiskusi dalam forum mengenai topik yang menarik minat masing-masing, memesan makanan dan minuman, menempah gelanggang badminton dan sebagainya. Kebanyakan maklumat yang diperolehi dalam Internet bercampuraduk dan sukar untuk mencari maklumat spesifik tanpa perlu melayari beribu-ribu gerbang dan laman web.

Apakah yang perlu dilakukan oleh usahawan bagi memastikan gerbang yang dibina dalam Internet menepati sasarannya untuk memasarkan produk untuk

komuniti tempatan?

Jawapannya ada pada HomeComm, gerbang yang dibangunkan oleh rakyat Malaysia untuk mengetengahkan maklumat mengenai Malaysia kepada sesiapa saja yang berminat untuk mengetahuinya. Perkhidmatan yang ditawarkan lebih menarik daripada MSN atau Yahoo malah lebih baik. Produk kami adalah unik yang mana kami bersedia untuk menawarkan perkhidmatan percuma kepada pengguna selama setahun untuk mengetahui maklum balas.

Sama seperti Yahoo dan MSN, kami bercadang menyediakan perkhidmatan percuma kepada penduduk di kawasan perumahan. Struktur gerbang HomeComm adalah unik, tersusun dan tersebar dengan meluas. Apabila beroperasi sepenuhnya, capaian akan menjadi mudah, tiada gangguan dan lebih banyak maklumat dapat disalurkan kepada pengguna Internet di negara ini untuk merasai keperluan menggunakan Internet.

Struktur HomeComm membolehkan prasarana gerbang itu digabungkan secara sistematik untuk kegunaan pelbagai jenis perniagaan, organisasi, institusi dan persatuan. Ia juga adalah alat yang membenarkan interaksi dan urusan niaga dilakukan antara satu sama lain sama ada perniagaan-perniagaan (B2B) atau perniagaan-pengguna (B2C).

Berbeza dengan gerbang tempatan yang ada di negara ini, HomeComm menyediakan kesemua aplikasi yang perlu seperti mel elektronik, kalendar, My HomeComm, laman web, ruang sembang, forum, poskad elektronik dan mencari kenalan, kesemuanya dalam satu gerbang.

Turut disediakan ialah enjin pencari bagi mendapatkan maklumat dalam direktori HomeComm dan juga enjin pencari yang ada di negara ini dan pada peringkat antarabangsa. Semuanya diperolehi dalam satu tettingkap. Tidak ada gerbang lain di dunia, termasuk Yahoo atau MSN yang menyediakan semua aplikasi dan maklumat dalam satu tempat.

Kelebihan HomeComm ialah ia menggabungkan 167 gerbang dalam satu gerbang tunggal. Ia merangkumi satu gerbang kebangsaan, 15 gerbang peringkat negeri dan 151 gerbang komuniti di Malaysia. Ini bermakna lebih banyak ruang simpanan data diperlukan untuk menyimpan maklumat berkenaan.

Pelawat tidak lagi perlu log masuk dan keluar kerana gerbang HomeComm menyediakan maklumat yang amat besar. Selain itu, mereka boleh bersembang dan berbincang dalam masa yang sama boleh menghantar aduan kepada pihak berkuasa tempatan bagi daerah masing-masing.

Berita, promosi, pengumuman dan notis turut disediakan bagi komuniti tertentu di negeri atau daerah. Sebagai pengguna HomeComm anda juga boleh menulis notis atau membuat pengumuman gerbang berkenaan. Menariknya ialah ianya boleh dicapai pada bila-bila masa dan dimana saja di dunia.

Asas kepada pembentukan gerbang HomeComm ialah konsep masyarakat yang dirangkaikan antara satu sama lain menerusi kaedah elektronik. Model HomeComm dibangunkan dengan tujuan membentuk masyarakat elektronik yang mana swasta, kerajaan dan orang ramai dihubungkan antara satu sama lain untuk mendapatkan maklumat, pendidikan, hiburan dan mengurus niaga.

Konsep ini akan menggalakkan orang ramai untuk merasai kelebihan menggunakan Internet, sekali gus menyebabkan ianya menjadi murah kerana lebih banyak pengguna memanfaatkannya serta selari dengan usaha kerajaan mewujudkan ekonomi berlandaskan pengetahuan (k-ekonomi).

Lebih banyak maklumat yang diperolehi, masyarakat akan menjadi lebih berpengetahuan, produktif dan kompetatif. Kami yakin gerbang HomeComm mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai gerbang E-Malaysia kerana ia mampu menyelaraskan pembangunan gerbang tempatan yang dilakukan oleh kerajaan, swasta dan orang ramai.

Model perniagaan HomeComm mengandaikan perolehan pendapatan disumbangkan oleh kerajaan, sekolah, institusi, persatuan dan organisasi perniagaan dan dapat memberikan subsidi kepada pengguna.

Ia merangkumi nisbah 30:70 iaitu jika pelanggan HomeComm daripada

kerajaan, sekolah, institusi, persatuan dan organisasi perniagaan mencecah 30 peratus maka bakinya iaitu 70 peratus daripada pengguna boleh menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan secara percuma (bergantung kepada ruang simpanan data). Pengguna hanya perlu membayar talian dail dan caj panggilan tempatan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan Internet (ISP).

HomeComm mempunyai lesen untuk menanam kabel yang menghubungkan kawasan perumahan kepada kabel rangkaian tulang belakang. HomeComm juga syarikat berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC).

Cabaran terbesar kepada HomeComm ialah membiayai, mereka bentuk, memasang dan menyerahkan reka bentuk sistem rangkaian bagi memenuhi keperluan gerbang yang ditawarkan.

Secara ringkasnya, ini dapat mempercepatkan masa penghantaran data, mengurangkan masa rosak dan kandungan multimedia. Kami yakin pendekatan yang diambil akan dapat menyatukan teknologi maklumat, telekomunikasi dan penyiaran dalam satu platform tunggal dan menyediakan prasarana yang mampu dimiliki rakyat Malaysia.

Misi kami ialah menjadikan HomeComm platform bagi pembangunan masyarakat elektronik yang dapat menggalakkan pembangunan sistematik dan praktikal perdagangan elektronik, perbankan di rumah, pendidikan elektronik, teleperubatan, sekolah bestari, televisyen interaktif, hiburan berasaskan permintaan, multimedia dan perkhidmatan sistem rangkaian.

Dengan struktur sistem rangkaian yang mempunyai pelbagai lapisan ia mudah untuk dilawati, kesemua maklumat yang disediakan dalam gerbang HomeComm sudah dikategorikan bagi memudahkan carian untuk peringkat komuniti, negeri, daerah dan antarabangsa, pengguna boleh mencapai maklumat berkenaan minimum antara dwi dan tiga klik saja.

Kami yakin perkhidmatan bersepadu yang ditawarkan HomeComm akan merevolusikan kaedah manusia berinteraksi dengan maklumat, hiburan dan berkomunikasi. Dalam masa sama pengguna hanya perlu duduk di rumah untuk melakukan kerja, berkomunikasi dan berinteraksi menggunakan komputer.

Model HomeComm melambangkan apa yang dikenali sebagai gerbang e-Malaysia yang diumumkan kerajaan baru-baru ini. HomeComm mempunyai asas kukuh untuk membangunkan ekonomi berlandaskan pengetahuan di negara ini selaras dengan visi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad iaitu menjadikan negara ini sebagai peneraju ulung dalam industri multimedia di rantau ini.

Kami yakin dengan pembentukan konsep masyarakat elektronik versi Malaysia. Jangan lupa mengunjungi kami di www.homecomm.net.my.

(END)